

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG**
[ALOR SETAR]

TARIKH : **26 MEI 2016 (KHAMIS)**

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samada Kerajaan akan mengarahkan Kamar Ketua Peguam Negara untuk menyemak semula keputusannya untuk tidak menuduh Mashitah Ibrahim dalam Mahkamah apabila terdapat bukti kukuh laporan media dan rakaman "youtube" di mana beliau telah secara palsu menuduh orang cina di Kedah membakar Kitab Al-Quran, dalam ucapannya di Mesyuarat Agong UMNO pada November 2014.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara telah meneliti kertas siasatan yang dikemukakan berkenaan kes Dato' Dr. Mashitah Ibrahim yang mengandungi kesemua keterangan termasuk keseluruhan rakaman ucapan yang dibuat oleh Dato' Dr. Mashitah Ibrahim dan mendapati tiada keterangan yang membuktikan suatu kesalahan telah dilakukan oleh beliau.
2. Kerajaan tidak pernah dan tidak akan mencampuri atau mempengaruhi bidang kuasa Peguam Negara sepertimana diperuntukkan dalam Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan yang jelas memperuntukkan bahawa Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.
3. Subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah seterusnya memperuntukkan bahawa kuasa kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah adalah diberikan kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya. Mahkamah Persekutuan dalam kes Long bin Samat & Yang Lain v Pendakwa Raya [1974] 2 MLJ 152 telah memutuskan bahawa memandangkan Perlembagaan Persekutuan telah memberikan kuasa budi bicara yang luas dan mutlak kepada Peguam Negara, kuasa budi bicara tersebut tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN SU KEONG SIONG
TARIKH : 26.5.2016
SOALAN : NO. 107

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Senaraikan secara terperinci jumlah pendeposit-pendeposit dan dividen-dividen yang telah dibayar dari tarikh permulaan skim SSPN sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2016 terdapat sebanyak 2,516,050 pembukaan akaun SSPN-i dengan nilai keseluruhan deposit berjumlah RM2.13 bilion. Pencapaian ini didorong oleh kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat tentang kepentingan menabung untuk masa depan pendidikan anak-anak dan mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan. Selain daripada itu, keistimewaan produk ini juga menjadi faktor penyumbang kepada penabungan SSPN-i. Antara keistimewaan yang ditawarkan untuk produk SSPN-i adalah seperti berikut:

- i. Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.
- ii. Pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa hingga RM6,000 setahun.
- iii. Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas.
- iv. Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak.
- v. Simpanan mudah dan dijamin oleh Kerajaan.
- vi. Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

PTPTN telah menawarkan pemberian dividen yang kompetitif berbanding dengan skim simpanan yang di tawarkan oleh institusi kewangan lain. Mulai tahun 2004 hingga 2014, kadar dividen yang ditawarkan adalah antara 2.5 peratus hingga 4.25 peratus dengan nilai terkumpul dividen yang telah diagihkan adalah sebanyak RM151 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH : 26 MEI 2016, KHAMIS

SOALAN : 108

Yb Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan apakah bentuk program yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Industri Kreatif Negara dan bagaimana program tersebut mampu untuk membawa pengamal seni ke peringkat antarabangsa.

Jawapan :

Kementerian telah mewujudkan Dana Industri Kreatif Negara selaras dengan Strategi Dasar Industri Kreatif Negara bagi sektor Industri Kreatif Multimedia (filem, tv, animasi, pengiklanan dan seni reka). Sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan pada tahun 2012 untuk penggiat industri kreatif menerbitkan produk-produk yang berkualiti tinggi. Dana ini dikelolakan oleh Bank Simpanan Nasional dimana pemberian dana adalah dalam bentuk *soft loan*. Bagi industri perfileman sebanyak RM33.79 juta telah diperuntukkan dengan 32 buah projek penerbitan.

Pihak Kementerian melalui agensinya seperti FINAS sentiasa berusaha memasarkan produk kandungan kreatif negara ke pasaran antarabangsa melalui penyertaan dalam 6 pasaran utama filem iaitu:

- (i) Hong Kong Film Market di Hong Kong
- (ii) MIPTV di Cannes, Perancis
- (iii) Marche Du Film di Cannes, Perancis
- (iv) MIPCOM di Cannes, Perancis

- (v) American Film Market di Los Angeles, USA dan
- (vi) Asia Television Forum di Singapura

Program ini telah disertai oleh syarikat-syarikat produksi tempatan yang menjalankan kerjasama produksi, pelesenan, jualan, dan usahasama bersama delegasi antarabangsa. Untuk tahun 2015, nilai pelaburan eksport sebanyak RM 45.172 juta telah direkodkan yang memberikan impak positif kualiti produk tempatan di peringkat global.

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 358 buah syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster Kandungan dan Teknologi Kreatif daripada jumlah keseluruhan 2,878 syarikat berstatus MSC Malaysia yang aktif. Pada tahun 2015, syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster Kandungan dan Teknologi Kreatif telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM7.2 bil dengan nilai eksport sebanyak RM853 juta serta menyediakan sebanyak 10,639 peluang pekerjaan.

Dalam memberi pendedahan dan peluang kepada syarikat tempatan untuk berkerjasama dengan syarikat dan rangkaian antarabangsa, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah melaksanakan beberapa program yang ditumpukan kepada syarikat dan produk kreatif yang mempunyai potensi tinggi. Berikut adalah antara program yang dilaksanakan:

- Program "*Go To Market*" yang menemukan syarikat tempatan dengan syarikat pembeli antarabangsa melalui platform dan festival antarabangsa seperti MIPCOM, Annecy dan Kidscreen. Antara syarikat-syarikat tempatan yang telah berjaya menerusi program ini termasuk Giggle Garage, Digital Durian dan Lil Critters.
- Program pendedahan kepada syarikat tempatan dalam membangunkan IP serta penglibatan dalam projek dengan studio dan rangkaian antarabangsa seperti Nickledeon, Disney Channel dan Cartoon Network. Antara syarikat tempatan yang telah berjaya menerusi kaedah ini termasuk Silver Ant dan Lemon Sky.

- Di samping itu, MDEC juga menganjurkan program “Krea8tif Conference” dari 1-2 Jun 2016, iaitu persidangan antarabangsa bidang animasi kreatif yang akan menghimpunkan para penggiat bidang animasi tempatan dan antarabangsa menerusi aktiviti termasuk pameran, bengkel teknikal animasi, *master class*, *B2B matching* dan *networking session*. Matlamat kesemua program ini adalah bagi membuka laluan pasaran hasil karya syarikat MSC Malaysia ke pasaran luar serta menyediakan peluang pembangunan perniagaan yang tidak tertumpu hanya ke pasaran tempatan sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 MEI 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan menyatakan berapakah jumlah negeri yang telah diwartakan sebagai "Zon Sifar Sampah" dan sehingga kini adakah Kementerian rasa ia berjaya dan berpuas hati dengan pematuhan dan penerimaan rakyat terhadap program ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Zon Sifar Sampah adalah merupakan **inisiatif yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di beberapa negeri seperti Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu**. Objektif program ini adalah untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar serta memberi kesedaran kepada orang ramai untuk bersikap lebih positif dan tidak membuang sampah merata-rata bagi memastikan kawasan persekitaran bersih.

Pada masa ini, Kementerian belum melaksanakan polisi bagi mewartakan negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 sebagai Zon Sifar Sampah. Walau bagaimanapun, Kementerian amat menggalakkan serta menyambut baik inisiatif dan usaha murni yang telah dilaksanakan oleh PBT di beberapa negeri tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016